



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA

THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Beri akses kepada scammer tanpa sedar

Publication/Portal: Utusan Malaysia

Date: 27 October 2018

Language: Malay

Section: Dalam Negeri

Page: 3

Beri akses kepada scammer tanpa sedar

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Kira-kira 24 juta pengguna internet di negara ini berpotensi menjadi mangsa penipuan jenayah siber tanpa disedari melalui aplikasi-aplikasi yang dimuat turun sendiri oleh mereka ke dalam telefon pintar.

Perunding Teknologi Maklumat, Mohd. Ridzman Azzahari berkata, modus operandi terkini penipu alam maya atau scammer adalah melalui taktik phishing yang berselindung di sebalik sesuatu aplikasi.

Menurut beliau, rata-rata aplikasi yang ada pada hari ini sama ada yang terkandung secara sah di Google Play Store, Apple App Store mahupun ruangan muat turun lain mewajibkan pengguna untuk melakukan daftar masuk sebelum dapat menggunakanannya.

Katanya, berikutan proses daftar masuk yang sedikit mengambil masa, kebanyakan pengguna lebih gemar untuk melakukan log masuk melalui akaun sedia ada seperti Facebook dan Google tanpa menyedari mereka sebenarnya memberi kebenaran kepada pihak ketiga untuk mengakses laman sosial dan data peribadi yang terdapat dalam telefon pintar berkenaan.

"Ada juga dalam kalangan scammer ini yang mana butang log masuk aplikasi melalui akaun Facebook dan Google sebenarnya hanya dibuat sebagai umpan.

"Di sebalik semua itu, ada virus yang kebiasaananya dari pada jenis trojan yang mana ia boleh menyedut segala butiran maklumat dalam telefon pintar," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sebelum ini, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman mendedahkan kes jenayah komersial di negara ini semakin membimbangkan apabila mencatat 21,374 kes de-



MOHD. RIDZMAN AZZAHARI

ngan jumlah kerugian mencapai RM4.2 bilion sejak Januari hingga Oktober tahun ini.

Berdasarkan kaji selidik firma, Pew Research Center, Malaysia merupakan antara negara tertinggi pemilikan gadget dengan mencatatkan kadar penembusan mencapai 65 peratus.

Mohd. Ridzman yang juga Pengarah Onemyr Awareness Management berkata, terdapat beberapa aplikasi berkonsep siaran langsung yang popular digunakan dalam kalangan anak muda mempunyai ancaman trojan.

Katanya, dalam tempoh sebulan, pihaknya menerima kira-kira 15 aduan membabitkan kes scammer menerusi aplikasi telefon pintar.

Menurutnya, rata-rata yang terjerat mengalami kerugian antara RM1,000 hingga RM2,000.

"Apabila sindiket berjaya akses telefon pintar dan akaun laman sosial, mereka akan mencari fail-fail yang boleh digunakan sebagai bahan ugutan.

"Paling popular kebiasaan adalah gambar peribadi. Mangsa terpaksa membuat pembayaran dan tidak buat laporan polis kerana bersa malu," katanya.

MEMAUT TURUN aplikasi percuma antara punca yang membolehkan sindiket scammer mencuri maklumat sulit daripada telefon pintar anda.



INFO

MODUS OPERANDI SCAMMER

WIFI PERCUMA

- » Sindiket putuskan rangkaian sebagai 'umpan'
- » Ketika proses sambung semula, perisian hasad seperti virus, trojan, cecacing dimasukkan bersama ke dalam telefon bimbit, komputer riba
- » Nama dan kata laluan ke laman perbankan, beli-belah dalam talian akan dicuri



APLIKASI DIMUAT TURUN

- » Guna taktik *phishing* (memancing maklumat) yang berselindung di sebalik sesuatu aplikasi.
- » Kebanyakan pengguna log masuk melalui akaun Facebook dan Google.
- » Pihak ketiga dapat akses laman sosial, data peribadi dalam telefon pintar.

1 MELALUI SMS DAN E-MEL

- Sindiket akan menghantar pesanan atau e-mel secara rawak kepada mangsa.
- Pesanan mengatakan mangsa telah memenangi peraduan.
- Sindiket akan menggunakan nama-nama syarikat besar untuk meyakinkan mangsa.
- Mangsa diarah untuk membuat panggilan kepada nombor yang tertera.
- Mangsa akan dipengaruhi untuk mendedahkan maklumat peribadi kononnya untuk tujuan penyebusan hadiah.



2 MELALUI PANGGILAN TELEFON

- Sindiket menyamar sebagai pegawai bank/pihak berkuasa.
- Mangsa dimaklumkan mempunyai hutang tertunggak/kompaun dan sebagainya.
- Diarahkan memasukkan semua wang ke dalam akaun suspek kononnya untuk menyelesaikan hutang/siasatan.

3 MELALUI APLIKASI SEMBANG

- Sindiket akan memperkenalkan diri sebagai wanita cantik yang ingin berkenalan dengan mangsa.
- Mangsa kebiasaananya merupakan golongan lelaki.
- Perbualan akan berlangsung selama beberapa hari.
- Sindiket akan menghantar gambar-gambar peribadi/terlampau dan meminta mangsa turut melakukannya.
- Gambar mangsa akan digunakan sebagai bahan ugutan.
- Mangsa perlu membayar sejumlah wang.

4 MELALUI PERKONGSIAN DATA APLIKASI

- Menggunakan taktik *phishing* yang berselindung di sebalik sesuatu aplikasi.
- Rata-rata aplikasi mewajibkan pengguna untuk melakukan daftar masuk sebelum dapat menggunakanannya.
- Pengguna lebih gemar untuk melakukan log masuk melalui akaun sedia ada seperti Facebook dan Google.
- Mereka sebenarnya telah memberi kebenaran kepada pihak ketiga untuk mengakses laman sosial dan data peribadi yang terdapat dalam telefon pintar berkenaan.